



DERAF TEKS UCAPAN

**YAB TAN SRI DATO SERI HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MD YASSIN
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**SEMPENA HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN
6 OGOS 2021**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Yang Berhormat Datuk Seri Hj Ahmad bin Hamzah
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1

Yang Berhormat Dato' Hj Che Abdullah bin Mat Nawi
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 2

Yang Berhormat Dr Nik Muhammad Zawawi bin Hj Salleh
Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang

Saudara saudari semua, para Peladang, Penternak dan Nelayan di seluruh
Negara

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Apa khabar saudara dan saudari warga peladang, penternak dan nelayan semua? Saya doakan semoga saudara dan saudari semua sentiasa sihat walafiat.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat meraikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan pada hari ini.

1. Hari ini tetap diraikan walaupun secara maya, sebagai satu pengiktirafan dan penghargaan kerajaan terhadap sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi pengeluar utama bekalan makanan negara. Justeru Kerajaan merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh para peladang, penternak dan nelayan dalam keseluruhan rangkaian aktiviti pengeluaran makanan.
2. Sesungguhnya, kita amat bersyukur kerana ketika negara lain menghadapi krisis kekurangan dan terputus bekalan makanan namun negara kita masih mempunyai stok bekalan makanan yang stabil dan terjamin.
3. Kesemua ini adalah hasil daripada komitmen dan usaha berterusan tanpa mengenal penat lelah para peladang, penternak dan nelayan yang pada hakikatnya adalah petugas barisan hadapan atau *frontliners* kita dalam sektor agromakanan negara.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

4. Pertanian sesungguhnya amat sinonim dengan saya. Jiwa petani sentiasa tersemat di dalam sanubari saya. Apabila saya diamanahkan untuk mengemudi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun 2004 sehingga tahun 2008, saya amat memahami akan perit getir dan cabaran yang dihadapi oleh peladang, penternak dan nelayan untuk memastikan sepinggan nasi beserta lauk dapat nikmati oleh kita setiap hari.

5. Dalam mendepani Pandemik Covid-19 ini, golongan Peladang, Penternak dan Nelayan tidak pernah kita pinggirkan. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah besar peruntukan khas kepada MAFI iaitu dengan nilai RM640 juta dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), dan Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
6. Bukan itu sahaja, Projek Pertanian Kebuniti juga diteruskan pada tahun 2021 ini dengan nilai RM30 juta khas buat golongan B40. Peruntukan yang disediakan ini adalah bertujuan untuk membantu golongan sasar mempergiatkan lagi aktiviti ekonomi demi kelangsungan bekalan makanan negara dan dalam masa yang sama memberikan peluang kepada peladang, penternak dan nelayan memperolehi pendapatan secara berterusan.
7. Kerajaan terus menyediakan peruntukan besar kepada MAFI setiap tahun. Menerusi Bajet 2021, sejumlah RM4.79 bilion telah diperuntukkan kepada MAFI untuk terus merencanakan lagi sektor pertanian dan industri makanan negara. Khusus buat 300,000 orang pesawah, sejumlah RM1.53 billion peruntukan diluluskan bagi subsidi dan insentif pengeluaran padi negara.
8. Bagi memperkasakan industri padi dan beras, Kerajaan telah memperkenalkan Program *SMART* Sawah Berskala Besar (*SMART* SBB) untuk menghapuskan atau mengurangkan peranan orang tengah di sepanjang rangkaian nilai industri padi dan beras negara selain meningkatkan pendapatan pesawah. Program *SMART* SBB ini akan membantu negara kita untuk mencapai sasaran tahap sara diri (SSL) beras sebanyak 75% dalam tempoh RMKe-12.
9. Kepada nelayan laut, elaun sara hidup bulanan telah dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan, manakala nelayan darat, elaun sara hidup dinaikkan daripada RM200 kepada RM250 sebulan. Ianya memanfaatkan 43,400 orang nelayan dengan peruntukan sebanyak RM151 juta setahun.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

10. Bagi meningkatkan kemampanan dan pertumbuhan industri ternakan, Lembaga Ruminan Negara yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) akan ditubuhkan dan dijangka akan beroperasi secara berfasa bermula pada tahun 2022.
11. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM338 juta di bawah Dana Jaminan Makanan Negara (DJM) bagi memastikan MAFI terus meneroka program-program berpotensi dan berimpak tinggi. Peruntukan dan dana-dana ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk membantu saudara dan saudari selaku kumpulan sasar yang amat penting di bawah MAFI.
12. Di dalam meneroka program memperkasakan pergerakan Pertubuhan Peladang, saya dimaklumkan bahawa model perniagaan projek-projek berjaya di Pertubuhan Peladang telah dan akan direplikasikan. Sejumlah RM60 juta peruntukan telah diluluskan di bawah DJM yang terdiri daripada Projek Pertanian Organik dan Projek Ladang E-Satelit. Ianya dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 1,700 orang peladang.
13. Selain itu, Kerajaan melalui Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 akan memfokuskan pengeluaran makanan dan input ternakan secara tempatan. Malah, terdapat banyak lagi inisiatif yang dirangka untuk membantu petani, penternak dan peladang dalam rangkaian nilai sistem makanan secara tidak langsung.
14. Kerajaan juga akan melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 atau singkatannya DAN 2.0 tidak lama lagi. DAN 2.0 berupaya untuk mentransformasikan sektor agromakanan kepada sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

15. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru para peladang, penternak dan nelayan terutama golongan muda agar menyokong usaha Kerajaan ini untuk membawa teknologi moden seperti penggunaan *Internet of Things* (IoT), Teknologi Pendigitalan, Teknologi Mekanisasi dan Automasi dalam sektor agromakanan di era IR 4.0 ini.
16. Ini akan dapat melonjakkan sektor agromakanan ke satu dimensi yang lebih kompetitif, efektif dan berdaya saing dari permulaan aktiviti pengeluaran, lepas tuai, pemborongan, peruncitan serta pengedaran agar sektor ini berkembang dengan lebih pantas dan dalam masa yang sama mampu memberi pulangan yang lumayan kepada saudara dan saudari sebagai golongan sasaran.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

17. Di kesempatan ini, saya ingin berpesan agar semua masyarakat mempunyai kesedaran yang tinggi untuk mematuhi semua peraturan dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan demi melindungi rakyat daripada pandemik bahaya ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga wabak ini berjaya ditangani dengan segera dan kita semua dapat menjalani kehidupan seperti biasa bersama keluarga tercinta. InshaAllah.

Semoga Allah S.W.T. sentiasa memberikan perlindungan kepada diri, keluarga dan negara kita.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan **SELAMAT HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN TAHUN 2021** kepada semua warga Peladang, Penternak dan Nelayan di seluruh negara.

Wabillahi al-Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.